



SIRI SEJARAH ISLAM



KHALIFAH  
'**UTHMAN** رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAT AL-RASYIDIN #3

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada **PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD**

.....

© **FIQH SIASAH KHULAFAH AL-RASYIDIN:**

**KHALIFAH 'UTHMAN RA**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, Januari 2022

Cetakan Kedua, April 2022

Cetakan ketiga, Jun 2022

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.

ISBN 978-967-27390-9-8

Muka Taip Teks: Century Gothic  
Saiz Muka Taip: 11

**Diterbitkan dan diedarkan oleh:**  
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.  
No. 9108, Jalan Kerdas 1,  
53100 Gombak, Kuala Lumpur  
011-20907008  
pustakapermataummah@gmail.com

**Dicetak oleh:**  
Firdaus Press Sdn. Bhd.  
26-28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor  
03-8940 5595



## **SIDANG EDITORIAL**

### **PENAUNG**

'Ustaz Muhammad Khalil Abdul Had  
Tuan Syahir Sulaiman  
Tuan Mohd Adram Musa

### **PENGARAH URUSAN**

Abdul Malik Ab Razak

### **PENGURUS**

Muhammad Afiq Awang Bakar

### **KETUA EDITOR**

Muhammad Ikram Ab Rahman

### **JABATAN EDITOR**

Maziah Hasan  
Ahmad Muhaimin

### **JABATAN ARKIB & PENYELIDIKAN**

Tasneem Zainol

### **JABATAN PEMASARAN KREATIF**

Nurul Afiqah Yusri

### **JABATAN JUALAN & HUBUNGAN PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salah

### **JABATAN PERHUBUNGAN AWAM**

Nur Hafizah Ibrahim

### **JABATAN PENTADBIRAN**

Siti Nurul Afiqah Sazali

### **ILUSTRATOR**

Abdul Latif A. Aziz



SIRI SEJARAH ISLAM



# KHALIFAH UTHMAN رضي الله عنه

FIQH SIASAH KHULAFAH AL-RASYIDIN #3



PUSTAKA PERDANA



1013311

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

# ISI KANDUNGAN

<b>KATA PENERBIT</b>	<b>X</b>
<b>MUQADDIMAH</b>	<b>I</b>
<b>KRONOLOGI</b>	<b>17</b>
<b>BAHAGIAN 1: PERJALANAN HIDUP SAIDINA 'UTHMAN SEBELUM HIJRAH</b>	<b>24</b>
Pengenalan Diri	25
Kisah 'Uthman Memeluk Islam	27
Perkahwinan Dengan Puteri Rasulullah SAW	33
Kezaliman Musyrikin Dan Kezinaan Untuk Berhijrah	35
<b>BAHAGIAN 2: PERJALANAN HIDUP SAIDINA 'UTHMAN RA SELEPAS HIJRAH</b>	<b>45</b>
Kehidupan Bersama Rasulullah SAW Di Madinah	46
Pengorbanan Jihad Harta	49
Penglibatan Dalam Pemerintahan Negara	56
Kelebihan Ahli Badar Dan Keampunan Allah Di Medan Uhud	61
'Uthman RA Dijanjikan Syahid	63
'Uthman RA Disegani Oleh Para Malaikat	66
Tindakan 'Uthman RA Yang Dipersoalkan	68
Penyertaan Pada Zaman Rasulullah SAW	70

**BAHAGIAN 3: PENGLIBATAN SAIDINA 'UTHMAN RA  
PADA ZAMAN DUA KHALIFAH 74****Peranan Bersama Khalifah Abu Bakar RA 75****Peranan Bersama Khalifah 'Umar RA 86****BAHAGIAN 4: PELANTIKAN SAIDINA 'UTHMAN RA  
SEBAGAI KHALIFAH KETIGA 92****Pelantikan Khalifah 93****Perjalanan Pemilihan 106****Ucapan Khalifah 'Uthman Bin 'Affan RA 109****Perutusan Awal 113****Dasar Dan Konsep Yang Istiqamah 122****BAHAGIAN 5: KEDUDUKAN WILAYAH ISLAM PADA  
ZAMAN KHALIFAH 'UTHMAN RA 129****Wilayah Islam Pada Zaman Khalifah 'Uthman RA 131****Makkah Al-Mukarramah 132****Madinah Al-Munawwarah 133****Bahrain Dan Yamamah 134****Yaman Dan Hadramaut 135****Basrah 138****Kufah 141**

# KATA PENERBIT

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang menciptakan alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang diutuskan menyampaikan rahmat kepada sekalian alam. Tidak terkecuali selawat dan salam ke atas ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang mengikuti petunjuk dan pedoman Baginda Nabi SAW. Semoga kita jua tergolong dalam kalangan mereka, Insya-Allah.

Rasulullah SAW melaksanakan peranan sebagai Nabi akhir zaman dengan menyempurnakan Islam yang adil untuk semua dan menyebarkan rahmat kepada sekalian alam. Selepas kewafatan Baginda SAW, tugas dan tanggungjawab itu diteruskan Khalifah Abu Bakar RA yang memimpin umat dengan istiqamah.

Amanah memimpin umat seterusnya dipikul oleh Amir al-Mu'minin 'Umar bin al-Khattab RA setelah kewafatan Khalifah Abu Bakar RA. Pada zaman tersebut, menyaksikan dua buah kuasa besar dunia, Rom dan Parsi tumbang dan Islam mencapai kemenangan sebagai kuasa besar dunia.

Kemudiannya, Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA mengambil alih tugas memimpin pemerintahan Islam yang sangat luas wilayahnya dan majmuk masyarakatnya. Berlaku banyak perkara baharu dan perubahan kesan daripada perbezaan zaman dan realiti umat.

Perkembangan ini menyebabkan perlu dilakukan beberapa pendekatan dan ijtihad dalam perkara baharu yang berlaku pada zaman tersebut berkonsepkan *Siyasah Syar'iyah* dan berpandukan *Maqasid al-Syari'ah*. Agenda

tajdid terus dilaksanakan oleh Khalifah 'Uthman RA bagi memenuhi kemaslahatan umat, khususnya pembaharuan dari sudut ibadat dan muamalat serta perundangan dan kewangan.

Namun begitu, Khalifah 'Uthman RA menghadapi masalah dalaman dan mendepani cabaran luaran yang dirancang oleh kalangan musuh Islam. Hal ini demikian kerana, mereka mempunyai dendam dan dengki terhadap kejayaan Islam memimpin dengan adil dan menjadi penyelamat kepada masyarakat yang dizalimi.

Justeru, pihak Pustaka Permata Ummah bersyukur kerana dapat menerbitkan karya Tan Sri Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi kali ini. Kami berusaha menjadikan persembahan karya kali ini agar lebih tinggi nilainya dan memudahkan para pembaca mencerna untaian hikmah tokoh ulama' dan negarawan ini.

Tulisan ini merupakan kesinambungan daripada dua siri Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin sebelum ini. Insyallah, akan disambung dengan siri terakhir yang berikutnya pada masa akan datang sebagai sajian ilmu kepada semua lapisan masyarakat.

Mudah-mudahan ilmu dan hikmah yang disampaikan melalui karya ini menjadi panduan dalam meneruskan agenda islah dan tajdid terhadap umat Islam yang sedang menghadapi saat kelemahannya. Akhirnya, umat Islam kembali kepada mengamalkan Islam secara menyeluruh dan menyatukan umat seluruhnya.

**Pustaka Permata Ummah**

**Sesungguhnya Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA memiliki keistimewaan sebagai salah seorang sahabat yang disayangi oleh Rasulullah SAW dan disegani oleh para malaikat. Di samping itu, beliau memikul suatu peranan sangat besar dalam memimpin kemenangan Islam yang semakin luas wilayahnya dan pelbagai masyarakatnya.**

**TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG**

# MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**M**arilah kita ikuti perbincangan seterusnya mengenai sejarah kehidupan Saidina 'Uthman bin 'Affan RA. Beliau termasuk dalam kalangan sahabat paling utama yang telah dijanjikan syurga oleh Allah 'Azza wa Jalla dan Rasul-Nya SAW.

Saidina 'Uthman RA juga merupakan seorang tokoh yang dimuliakan di langit dan juga di bumi, bahkan beliau ialah seorang ahli al-Quran. Beliau dilantik sebagai Khalifah ketiga daripada kalangan Khulafa' al-Rasyidin RA, setelah didahului oleh dua orang tokoh besar iaitu Abu Bakar RA dan 'Umar bin al-Khattab RA. Perihal kedua-dua sahabat itu telah dibincangkan dalam siri karya Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin sebelum ini.

Kesemua mereka ialah keluaran Madrasah Nabawiyah secara langsung yang tergolong dalam generasi Islam terawal, paling unggul, dan paling mantap. Walaupun setiap khalifah tersebut berada dalam situasi yang berbeza dan cabaran yang berubah-ubah, namun sifat keistimewaan yang ada pada peribadi masing-masing mengatasi kelemahan manusiawi.

Kita tidak mahu menjadi seperti mereka yang hanya tahu membangkitkan, mengungkit, dan mencari kelemahan sahaja, bukannya mengambil pengajaran yang banyak. Mereka yang bersikap sedemikian laksana tupai yang merosakkan buah atau kera yang melompat ke arah pokok yang berbuah. Perbuatan mereka tidak ubah hanya sekadar mengisi kepuasan nafsu dan mengisi perut hanya untuk kehidupan dunia tanpa wawasan akhirat.

Hakikatnya, mereka yang berada dalam kalangan generasi awal itu tetap dimasukkan bersama dalam sanjungan Rasulullah SAW melalui sabdanya:

خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ، ثُمَّ يَجِيءُ  
أَقْوَامٌ تَسْبِقُ شَهَادَةَ أَحَدِهِمْ يَمِينَهُ، وَيَمِينُهُ شَهَادَتَهُ.

*"Sebaik-baik manusia ialah mereka yang hidup pada zamanku, kemudian mereka pada zaman yang berikutnya (tabi'in), kemudian mereka pada zaman yang berikutnya (atba' al-tabi'in). Kemudian muncul pula kalangan mereka yang mendahului saksi daripada sumpah dan mendahului sumpah daripada saksi (saksi dan sumpah yang bohong)."*

#### Riwayat al-Bukhari 2652 dan Muslim 2533

Generasi yang terbaik itu bermaksud generasi awal Islam pada abad pertama, kedua, dan ketiga, atau lapisan para sahabat RA, diikuti generasi tabi'in dan tabi' al-tabi'in. Mereka itulah generasi pilihan yang terbaik.

Khalifah Islam yang ketiga ini menghadapi keadaan yang paling mencabar, sama ada cabaran dalaman umat Islam sendiri mahupun cabaran luaran negara Islam yang lebih besar dan luas serta masyarakatnya yang lebih majmuk. Hal ini berlaku apabila kalangan para muallaf (penganut Islam baharu yang sangat jahil dan masih berkarat jahiliah bersama Islamnya) yang begitu ramai jumlahnya menyertai umat Islam.

Di samping itu, berkelirannya golongan munafiqin dan bukan Islam yang masih menyimpan dendam terhadap Islam dan umatnya, disebabkan kekalahan mereka di medan perang dan tewasnya mereka dalam berhujah. Sungguhpun begitu, mereka tetap diterima dalam masyarakat Islam disebabkan dakwah wajib dilaksanakan secara damai.

Maka, pelaksanaan Islam pada zaman sedemikian adalah sangat rumit, kerana perjuangan bagi mengisi kemenangan menjadi lebih sukar daripada perjuangan untuk mencapai kemenangan. Inilah cabaran besar yang dihadapi oleh khalifah ketiga ini.

Hal ini bermakna, Khalifah 'Uthman RA menghadapi perkembangan yang sudah berbeza dengan era dua khalifah sebelumnya. Seinggakan, sahabat yang mulia ini terpaksa berada pada zaman bermulanya penularan fitnah, seterusnya menyebabkan dirinya menjadi korban *Fitnah Kubra* (fitnah terbesar).

Walau bagaimanapun, Khalifah 'Uthman RA berhasil mendapat kelebihan syahid yang dijanjikan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya SAW. Allah SWT memberikan semangat supaya beristiqamah melalui firman-Nya:

الْيَوْمَ يَبْسُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنِ  
 الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ  
 لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا ...

"Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (untuk memesonkan kalian) daripada agama kalian (Islam). Sebab itu, janganlah kalian merasa takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kalian merasa takut dan gentar kepada-Ku. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kalian agama kalian (Islam), dan Aku telah cukupkan ni'mat-Ku (Islam) kepada kalian, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kalian..."

Surah al-Ma'idah: 3

Pengertian Islam hendaklah diterjemahkan daripada al-din mengikut bahasa al-Quran, bukan sekadar dengan perkataan agama mengikut bahasa yang lain. Hal ini demikian kerana, maksud agama dari sudut bahasa tidak mencapai kesempurnaan makna Islam yang menyeluruh dan risalahnya yang luas ke seluruh pelosok dunia sepanjang zaman.

Allah SWT berfirman kepada Rasulullah SAW dan umatnya yang setia:

فَأَسْتَقِمَّ كَمَا أُمِرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا  
تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿١١٢﴾ وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمْ  
النَّارُ وَمَا لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا  
نُنصِرُونَ ﴿١١٣﴾

"Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad SAW) sentiasa beristiqamah (tetap teguh di atas jalan yang betul tidak terpesong) sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang bertaubat (rujuk kembali kepada kebenaran mengikutimu) berbuat demikian; dan janganlah kalian melampaui batas (hukum-hukum Allah); sesungguhnya Allah Maha Melihat akan apa yang kalian kerjakan. (112); Dan janganlah kalian cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim, maka (kalau kalian berlaku demikian), api neraka akan membakar kalian, sedang kalian tidak mempunyai seorang penolong pun selain Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kalian tidak akan mendapat pertolongan. (113)."

Surah Hud: 112-113

Khalifah 'Uthman RA menerima tugas paling berat yang pernah ditolak oleh makhluk langit, bumi, bukit bukau dan gunung-ganang. Beliau diberikan tugas yang menanggung amanah bagi mengisi kemenangan besar dengan istiqamah dan penuh gagah berani.

Selepas kejayaan dua orang khalifah sebelumnya yang telah menumbangkan dua kuasa besar dunia iaitu Parsi dan Rom, rakyatnya pula berduyun-duyun datang menganut Islam atau reda berada di bawah naungan Kerajaan Islam. Walaupun ramai dalam kalangan pendatang baharu yang bersama Islam dan kalangan bukan Islam yang menjadi rakyat, masanya pula sudah semakin jauh dengan semangat yang kuat ketika hayat Rasulullah SAW yang telah wafat.

Tambahan pula, jarak wilayahnya yang sangat luas dan tidak mudah dikawal, di samping ramai pula sahabat yang besar telah meninggal dunia atau sudah sangat tua usianya. Namun begitu, Islam berjaya memimpin dan cahaya Islam juga makin bersuluh, walaupun ramai yang masih kabur pandangannya terhadap Islam.

Terdapat dalam kalangan mereka yang masih buta meraba-raba dalam cahaya, disertakan kekayaan hasil kemenangan yang sangat menggoda kalangan yang lemah imannya. Mereka dikepung oleh harta dunia yang melimpah-ruah dan jawatan yang banyak, di samping ramainya syaitan munafiq yang berkeliaran serta gerakan musuh dari dalam negara dan masyarakatnya.

Maka, berlakulah amaran yang pernah dinyatakan oleh Rasulullah SAW:

عَنْ عَمْرُو بْنِ عَوْفٍ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، بَعَثَ أَبَا عُبَيْدَةَ بْنَ الْجَرَّاحِ إِلَى الْبَحْرَيْنِ يَأْتِي بِحِزْبَيْهَا، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هُوَ صَاحِحٌ

أَهْلَ الْبَحْرَيْنِ وَأَمَرَ عَلَيْهِمُ الْعَلَاءَ بْنَ الْحَضْرَمِيِّ.

Daripada 'Amr bin 'Auf al-Ansari RA: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menugaskan Abu 'Ubaidah bin al-Jarrah RA ke Bahrain supaya memungut hasil jizyah. Hal ini disebabkan Rasulullah SAW telah mengadakan perjanjian dengan penduduk Bahrain dengan melantik al-'Ala' bin al-Hadhrami RA menjadi ketua mereka.

فَقَدِمَ أَبُو عُبَيْدَةَ بِمَالٍ مِنَ الْبَحْرَيْنِ، فَسَمِعَتِ الْأَنْصَارُ بِقُدُومِ  
أَبِي عُبَيْدَةَ، فَوَافَوْا صَلَاةَ الْفَجْرِ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ.

Kemudiannya, Abu 'Ubaidah tiba dengan membawa pulang harta dari Bahrain. Maka, berita ketibaannya itu diketahui oleh para sahabat khususnya daripada kalangan Ansar, lalu bersembahyang Subuh (secara berjemaah) bersama Rasulullah SAW.

فَلَمَّا أَنْصَرَفَ تَعَرَّضُوا لَهُ، فَتَبَسَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ حِينَ رَأَوْهُمْ، ثُمَّ قَالَ: «أَطْنُكُمْ سَمِعْتُمْ أَنَّ أَبَا عُبَيْدَةَ قَدِمَ  
بِشَيْءٍ». قَالُوا: أَجَلْ يَا رَسُولَ اللَّهِ.

Usai solat Subuh, Baginda berpaling menghadap lalu mereka yang ramai itu menampakkan diri mereka kepada Baginda. Rasulullah SAW lalu tersenyum tatkala melihat kedatangan mereka yang ramai itu, lantas bersabda: "Aku menyangka kalian semua mendengar ketibaan Abu 'Ubaidah dari Bahrain membawa pulang sesuatu (jizyah)."

Mereka menjawab: “Benar, wahai Rasulullah!”

قَالَ: “فَأَبَشِرُوا وَأَمَلُوا مَا يَسُرُّكُمْ، فَوَاللَّهِ مَا الْفَقْرَ أَخْشَى عَلَيْكُمْ، وَلَكِنِّي أَخْشَى أَنْ تَبْسُطَ عَلَيْكُمُ الدُّنْيَا كَمَا بَسِطَتْ عَلَيَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ، فَتَنَافَسُوهَا كَمَا تَنَافَسُوهَا، وَتَهْلِكُكُمْ كَمَا أَهْلَكَتَهُمْ.”

Lalu Rasulullah SAW bersabda: “Bergembiralah dan berharaplah kalian agar beroleh sesuatu yang menyenangkan kalian (perkara yang dicita-citakan). Demi Allah! Aku tidak risau jika kefakiran (kemiskinan tegar) menimpa ke atas kalian. Namun, apa yang aku bimbang ialah jika kesenangan dunia dipamerkan kepada kalian sepertimana pernah dipamerkan kepada umat terdahulu daripada kalian. Lalu kalian akan berlumba-lumba mendapatkannya sepertimana yang mereka lakukan, dan akhirnya harta itu membinasakan kalian sepertimana ia telah membinasakan mereka.”

### Riwayat al-Bukhari 3158 dan Muslim 2961

Maka, ukuran dan penilaian terhadap Khalifah 'Uthman RA tidak boleh disamakan dengan tokoh khalifah terdahulu yang lebih besar daripadanya. Malah, tanggungan yang dipikul oleh khalifah yang ketiga ini lebih membebankan, di samping tahap kefahaman umat pada zamannya sudah tidak sekuat dibandingkan zaman sebelumnya.

Khalifah 'Uthman RA dijanjikan mati syahid oleh Rasulullah SAW yang mengetahui bahawa khalifah ini mempunyai kelebihan yang tersendiri. Tiba-tiba, janji ini benar-benar berlaku apabila 'Uthman RA menjadi mangsa bunuh disebabkan ketegasannya mempertahankan Islam yang diyakini.

Beliau dibunuh dengan zalim oleh orang-orang munafiq dan orang Islam yang lemah imannya. Kejadian itu berlaku ketika kemuncak kemenangan Islam yang mengumpulkan segala kesenangan dunia dan jawatan yang banyak.

Khalifah ini lebih rela dibunuh oleh saudara seagamanya sendiri daripada melawan sehingga membunuh mereka. 'Uthman RA melarang para pemuda sahabat RA dan anak-anak mereka yang ditugaskan datang mempertahankannya untuk bertindak terhadap perusuh yang sedang mengepungnya. Hal ini bagi mengelakkan bencana daripada membunuh sesama umat Islam.

Beliau mengambil contoh daripada peristiwa pembunuhan putera Nabi Adam AS yang dibunuh dengan zalim oleh saudaranya sendiri. Sebagaimana kisahnya yang disebutkan Allah SWT dalam al-Quran. Firman-Nya:

وَأْتَلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ أَبِي آدَمَ بِالْحَقِّ إِذْ قَرَّبَا قُرْبَانًا فَتُقُبِّلَ  
 مِنْ أَحَدِهِمَا وَلَمْ يُنْقَبَلْ مِنَ الْآخَرِ قَالَ لَأَقْتُلَنَّكَ قَالَ إِنَّمَا  
 يَتَقَبَّلُ اللَّهُ مِنَ الْمُتَّقِينَ ﴿٢٧﴾ لَئِن بَسَطْتَ إِلَيَّ يَدَكَ لِتَقْتُلَنِي مَا  
 أَنَا بِبَاسٍ يَدِي إِلَيْكَ لَأَقْتُلَنَّكَ إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ رَبَّ الْعَالَمِينَ  
 ﴿٢٨﴾ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ تَبُوءَ بِإِثْمِي وَإِثْمَكَ فَتَكُونَ مِنِّي أَصْحَابِ  
 النَّارِ وَذَلِكَ جَزَاءُ الظَّالِمِينَ ﴿٢٩﴾ فَطَوَّعَتْ لَهُ نَفْسُهُ قَتْلَ  
 أَخِيهِ فَقَتَلَهُ فَأَصْبَحَ مِنَ الخَاسِرِينَ ﴿٣٠﴾

"Dan bacakanlah (wahai Muhammad SAW) kepada mereka kisah (mengenai) dua orang anak Adam (Habil dan Qabil) yang berlaku dengan sebenarnya, iaitu ketika

mereka berdua mempersembahkan satu persembahan korban (untuk mendampingi diri kepada Allah). Lalu diterima korban salah seorang antaranya (Habil), dan tidak diterima (korban) daripada yang lain (Qabil). Berkata (Qabil): 'Sesungguhnya, aku akan membunuhmu!' (Habil) menjawab: 'Hanyasanya Allah menerima (korban) daripada orang-orang yang bertaqwa.' (27); 'Demi sesungguhnya! Jika engkau hulurkan tanganmu kepadaku untuk membunuhku, aku tidak sekali-kali akan menghulurkan tanganku kepadamu untuk membunuhmu. Kerana sesungguhnya, aku takut kepada Allah, Tuhan Yang mentadbirkan sekalian alam.' (28); 'Sesungguhnya, aku mahu supaya engkau kembali dengan (membawa) dosa (membunuhku) dan dosamu sendiri. Maka dengan itu, menjadilah engkau daripada ahli neraka, dan itulah dia balasan orang-orang yang zalim.' (29); Maka, nafsu jahat (Qabil) mendorongnya (sehingga ia tergamak) membunuh saudaranya, lalu ia membunuhnya. Oleh itu, menjadilah dia daripada golongan orang-orang yang rugi. (30)."

### Surah al-Ma'idah: 27-30

Dosa pembunuhan khalifah yang merupakan salah seorang sahabat agung ini menjadi api fitnah dalam diri umat yang tidak padam sehingga kini. Seterusnya, 'Uthman RA juga mendapat pahala lagi akibat difitnah dengan riwayat-riwayat yang sengaja dicipta bagi memburukkan syakhshiah yang mulia ini. Walhal beliau termasuk daripada kalangan yang dinaskan mendapat keredaan Allah SWT, dosa-dosanya diampunkan, dan dijamin masuk syurga.

Tanpa dinafikan, sememangnya khalifah mempunyai kelemahan diri yang menjadi sifat bagi semua makhluk. Namun begitu, kita sepatutnya menggali segala kebaikannya

dan beristighfar untuk beliau atas segala kesalahannya, bukan mencari jalan untuk menjatuhkan martabatnya yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Walau bagaimanapun, 'Uthman RA mempunyai kedudukan yang sangat besar fadilatnya. Hal ini demikian kerana, beliau merupakan antara sahabat yang terawal menganut Islam dan paling besar pengorbanan harta serta jiwa raganya bagi menegakkan Islam.

Termasuklah kelebihan dirinya yang dikahwinkan oleh Rasulullah SAW berturut-turut dengan dua orang puteri Baginda SAW, setelah meninggalnya puteri Baginda yang pertama. Bahkan, Rasulullah SAW pernah menyebutkan bahawa 'Uthman RA beroleh keredaan Allah SWT dan disegani oleh para malaikat di langit.

Jasanya yang sangat besar pada waktu susah dalam Islam dan beristiqamah ketika berkuasa menjadi khalifah. Seterusnya menjadi salah seorang yang dijanjikan syurga pada Hari Akhirat, perkara ini sudah cukup menjadikan 'Uthman RA tidak boleh dipertikaikan lagi kelebihanannya sehingga memadamkan segala kelemahan dirinya. Iktulah perjalanan hidupnya yang penuh iktibar.

Sesungguhnya, cahaya Islam sekali-kali tidak akan boleh dipadamkan, bahkan pokoknya juga tidak mampu dimatikan dengan kematian manusia yang berjuang untuk menegakkannya. Hal ini membenarkan firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ  
 أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ﴿٢٤﴾ تُؤْتِي أُكْلَهَا  
 كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ  
 يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٥﴾ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ

أَجْتَنَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ﴿٣٦﴾ يُثَبِّتُ اللَّهُ  
 الَّذِينَ ءَامَنُوا بِالْقَوْلِ الثَّابِتِ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي  
 الْآخِرَةِ وَيُضِلُّ اللَّهُ الظَّالِمِينَ وَيَفْعَلُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ

﴿٣٧﴾

"Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad SAW) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: Kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. (24); Dia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). (25); Dan bandingan kalimah yang jahat dan buruk samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah tercabut akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup. (26); Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimah yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat; dan Allah menyesatkan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri); dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya. (27)."

#### Surah Ibrahim: 24-27

Dalam pada itu, 'Uthman bin 'Affan RA ialah salah satu cabang daripada cabang-cabang terawal yang tumbuh daripada Pokok Nabawiyyah yang disifatkan oleh Allah SWT dengan firman-Nya lagi:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى  
 الَّذِينَ كَفَرُوا وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ  
 مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ  
 فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ  
 ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ  
 فَآزَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَىٰ عَلَىٰ سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيُغَيِّظَ  
 بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ  
 مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

"(Allah yang menyatakan itu) Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya (Muhammad SAW) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh Rasul-Nya itu). (28); Nabi Muhammad (SAW) ialah Rasul Allah; dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaliknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) daripada Tuhan mereka serta mengharapkan keredaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat pada muka mereka – daripada kesan sujud (dan ibadat

mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut dalam Kitab Taurat; dan sifat mereka dalam Kitab Injil pula ialah: (Bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. (Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana Dia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki – dengan kembang biaknya umat Islam itu. (Dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh daripada mereka, keampunan dan pahala yang besar. (29).”

**Surah al-Fath: 28-29**

Ibn Mas'ud RA menegaskan:

مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُسْتَنَّاً فَلَيْسَتْ بِمَنْ مَاتَ فَإِنَّ الْحَيَّ لَا تُؤْمَنُ عَلَيْهِ الْفِتْنَةُ.

“Sesiapa yang inginkan pengajaran, maka ambillah daripada orang yang sudah meninggal dunia, kerana mereka telah mengakhiri kehidupan. Maka, sesungguhnya orang yang masih hidup belum lagi dapat ditentukan kejayaannya dalam menghadapi ujian hidup.”

**Ibn Kathir, al-Bidayah wa al-Nihayah, jld. 20, ms. 433**

Rasulullah SAW juga bersabda:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنَّتِي وَسُنَّةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، عَضُّوا  
عَلَيْهَا بِالنَّوَاجِدِ.

"Kalian mestilah mengikuti ajaranku dan ajaran Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk. Peganglah seteguh-teguhannya laksana menggigit dengan geraham (gigi yang paling kuat)."

**Riwayat Abu Dawud 4607 dan al-Tirmizi 266**

Oleh itu, Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA termasuk dalam kalangan Khulafa' al-Rasyidin yang dinyatakan dalam hadis di atas. Segala kelemahan dan dosa mereka dijanjikan keampunan Allah SWT dan mengajar generasi kemudian supaya sentiasa berdoa untuk mereka yang terdahulu.

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا  
وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا  
لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

"Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: 'Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami perasaan hasad dengki dan dendam terhadap

*orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya, Engkau Amat Melimpah belas kasihan dan rahmat-Mu."*

### **Surah al-Hasyr: 10**

Mudah-mudahan, huraian yang ringkas ini diterima menjadi ilmu yang bermanfaat kepada semua. Amin.

الفقير إلى عفو ربه.

**ABDUL HADI AWANG**



Khalifah 'Uthman RA dijanjikan mati syahid oleh Rasulullah SAW yang mengetahui bahawa khalifah ini mempunyai kelebihan yang tersendiri. Tiba-tiba, janji ini benar-benar berlaku apabila 'Uthman RA menjadi mangsa bunuh disebabkan ketegasannya mempertahankan Islam yang diyakini.

TUAN GURU HAJI ABDUL HAWANG



**KRONOLOGI KEHIDUPAN  
KHALIFAH  
'UTHMAN  
BIN 'AFFAN RA**





# KHALIFAH 'UTHMAN رضي الله عنه

**FIQH SIASAH KHULAFAH' AL-RASYIDIN #3**

TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

## SINOPSIS

Buku ini merupakan kesinambungan daripada siri Fiqh Siasah Khulafa' al-Rasyidin. Tulisan kali ini menceritakan riwayat hidup seorang lagi sahabat dan khalifah Islam iaitu Khalifah 'Uthman bin 'Affan RA, sosok yang diberikan gelaran *Zu al-Nurain* kerana mengahwini dua orang puteri Rasulullah SAW, malah beliau juga disegani oleh malaikat kerana keperibadiannya.

Khalifah 'Uthman RA menghadapi suatu tahap yang baharu mewarisi pemerintahan yang sangat luas wilayahnya dan majmuk masyarakatnya, khususnya setelah kejatuhan dua kuasa besar dunia, Rom dan Parsi. Keadaan yang sangat mencabar itu menuntut Khalifah 'Uthman RA mengemukakan ijtihad baharu dan langkah memelihara kerukunan seluruh umat. Beliau juga mendepani zaman fitnah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rasulullah SAW.

## APA YANG ISTIMEWA TENTANG BUKU INI?

### HIKMAH

Ditulis berdasarkan kepada keilmuan, pengamatan dan pengalaman penulis berdasarkan acuan penguasaan ilmu sejarah dan adunan kefahaman politik Islam.

### SAHIH

Disemak dan dibuat proses silang rujuk fakta-fakta berkenaan melalui pelbagai sumber serta rujukan kitab turath dan kontemporari sejarah Islam.

### INFORMATIF

Disediakan maklumat dalam bentuk infografik, dialog dan peta bagi menambahkan penghayatan terhadap penulisan.

SEM. MALAYSIA : RM60  
SABAH SARAWAK : RM 62

ISBN 978-967-273-909-8



9 789672 739098

